

**Chin Peng akui Umno main peranan besar capai kemerdekaan
Malaysian Insider
Sept 30 , 2013
OLEH HASBULLAH AWANG CHIK**

Akhbar milik Umno Utusan Malaysia melaporkan Chin Peng (gambar) mengakui hasil usaha orang Melayu di bawah kepemimpinan Umno memainkan peranan signifikan dalam usaha negara mencapai kemerdekaan.

Pengakuan ini dinyatakan Chin Peng di hadapan empat pegawai tertinggi Parti Komunis Malaysia (PKM) semasa mereka membincangkan isu kemerdekaan Tanah Melayu 1957 dalam sesi latihan ideologi bagi kepemimpinan PKM di banglo Chin Peng di Beijing pada penghujung 1962.

"Chin Peng mengakui bahawa di ambang kemerdekaan negara, PKM menanggung kekalahan yang teruk dan begitu lemah menyebabkan British tidak mengendahkan tekanan yang diberikan PKM.

"Pemimpin PKM itu mengingatkan keempat-empat orang kanannya supaya merahsiakan pandangannya itu dan PKM mesti menegaskan bahawa Revolusi Bersenjata PKM merupakan faktor mendorong penjajah British memberikan kemerdekaan," Utusan Malaysia melaporkan hari ini dalam siri kedua temuramah dengan bekas pemimpin Melayu PKM.

Empat orang kanannya yang dimaksudkan ialah Pengerusi PKM Musa Ahmad, Timbalan Setiausaha Agung PKM Lau Li dan dua Ahli Jawatankuasa Pusat PKM iaitu Liew Yit Fan dan Chan Tien.

Semalam akhbar itu mendedahkan bagaimana bekas Setiausaha Agung PKM itu tidak mengiktiraf orang Melayu, menentang kuat hak keistimewaan Melayu serta menafikan penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi Malaysia.

Laporan itu turut mendedahkan dalam satu mesyuarat pada akhir 1962 atau awal 1963, Chin Peng menggariskan perancangan untuk meluaskan pengaruh PKM terutama dalam kalangan orang Melayu.

PKM merancang melaksanakan gerakan propaganda menerusi penubuhan badan agama dan untuk menakutkan orang Melayu bahawa 'Islam dan komunisme tidak bertentangan antara satu sama lain. Satu lagi rancangan ialah anggota komunis Cina beroperasi di kawasan orang Melayu akan menggunakan nama samaran Melayu.

"Dalam mesyuarat berlainan, Chin Peng mengakui kesilapan besar PKM selepas Perang Dunia Kedua adalah tindakan memanggil semua anggota Barisan Bersatu (pertubuhan pro-komunis) mengangkat senjata di hutan, telah mengakibatkan runtuhnya gerakan organisasi sulit dan revolusi.

"Chin Peng menyusun semula strategi untuk ejen komunis menyusup masuk ke dalam pertubuhan berdaftar termasuk parti politik dan kemudiannya dijadikan alat untuk mencetuskan kekacauan dan krisis politik di dalam negara.

"PKM merancang tindakan mengeksploit secara teliti terhadap isu dan rungutan awam yang dijangka mampu membakar kebencian rakyat terhadap kerajaan dan kemudiannya diatur menuju ke arah pemberontakan," jelas laporan akhbar itu yang memetik kenyataan

dokumen rasmi pengakuan beberapa bekas pemimpin komunis yang tidak pernah didedahkan kepada umum selama ini.

Utusan Malaysia turut menyatakan Chin Peng menggunakan pengaruhnya melantik Musa Ahmad, yang lahir di Pengkalan Bharu, Batu Gajah, Perak sebagai Pengerusi PKM dalam tempoh enam tahun menganggotai unit bersenjata PKM dan kemudian diarah oleh Chin Peng supaya menjalani sesi indoktrin komunisme di China pada 1955.

Musa yang dibenarkan kembali ke tanah air pada 1980, menyedari fungsinya sebagai pengerusi parti hanyalah bersifat mengaburi mata bertujuan menarik minat orang Melayu bahawa PKM adalah parti berbilang kaum dan kononnya parti itu memberi keutamaan kepada kepentingan Melayu.

"Realitinya pemimpin Cina dalam PKM tidak mempedulikan orang Melayu dan hanya mengutamakan masalah berkaitan masyarakat Cina.

"Dalam pelbagai perjumpaan dan mesyuarat, Chin Peng menekankan bahawa perjuangan PKM di Malaya mestilah berasaskan kaum Cina. Chin Peng memberi alasan disebabkan majoriti kaum Cina di Malaya ketika itu adalah golongan pekerja, menjadikannya sejajar dengan teori komunis supaya golongan pekerja mengetuai revolusi.

"Musa melaksanakan peranannya sebagai Pengerusi PKM dan menerima pengiktirafan oleh semua kuasa komunis ketika itu seperti China, Rusia, Vietnam, Albania dan sebagainya.

"Namun, kuasa sebenar dipegang oleh Chin Peng dalam serba-serbi urusan berkaitan dasar, kewangan dan dengan siapa komunis Melayu boleh berhubung sepanjang masa di China," dedah laporan berkenaan.

Pertentangan antara Musa dan Chin Peng tidak dapat dibendung semasa Revolusi Budaya di China. Musa mengkritik secara terbuka kepemimpinan Chin Peng yang mendorong kemelut serius antara kumpulannya dengan komunis Melayu di China ketika itu.

Ibrahim Mohamad dan isterinya, Shamsiah Fakeh dibelasah oleh penyokong Chin Peng sebelum dibuang daerah ke Chan Sa, selatan China.

"Pada 1968, Chin Peng memecat Musa daripada semua jawatan di dalam parti tetapi mensyaratkan Musa mengakui secara bertulis tindakan anti-parti yang dilakukannya jika mahu keahliannya dalam PKM dikekalkan. Musa tidak melayan syarat itu.

"Perbalahan Musa dan Chin Peng menyaksikan keanehan kerana Musa diberi perlindungan oleh Parti Komunis China malah terus menerima ganjaran wang dan diberi pekerjaan di stesen radio milik kerajaan manakala Chin Peng dibiarkan mengendalikan urusan PKM," menurut laporan itu. – 30 September, 2013.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/chin-peng-akui-umno-main-peranan-be-sar-capai-kemerdekaan>

